



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 6 TAHUN 2024

GARIS PANDUAN
PROSEDUR PENGURUSAN KURIKULUM UPSI

Bahagian Hal Ehwal Akademik
23 April 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

23 April 2024

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 6 TAHUN 2024

GARIS PANDUAN
PROSEDUR PENGURUSAN KURIKULUM UPSI

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-232 Bilangan 4/2024 yang bersidang pada 23 April 2024 telah meluluskan Garis Panduan Prosedur Pengurusan Kurikulum UPSI.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah dirangka bagi menghasilkan graduan yang berbakat, berkemahiran dan berilmu yang bersedia menghadapi cabaran abad ke-21.
- 2.2 Seajar dengan hasrat Lonjakan 1 PPPM (PT) dalam melahirkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan, satu standard prosedur berkaitan pengurusan kurikulum perlu diperkenalkan bagi memantapkan kurikulum yang relevan selaras dengan keperluan semasa.

- 2.3 Bagi merealisasikan matlamat tersebut, setiap Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia adalah dicadangkan untuk menyediakan satu (1) Garis Panduan yang menjelaskan prosedur berkaitan pengurusan kurikulum dengan mengambil kira keperluan semasa pendidikan di IPT Malaysia.
- 2.4 Bagi memenuhi keperluan semasa prosedur pengurusan program akademik, Pusat Pembangunan Akademik (PPA) mengambil usaha untuk mengemaskini maklumat gerak kerja penyediaan dokumen yang berkaitan dengan program akademik dalam Garis Panduan Pengurusan Akreditasi, BPQ.
- 2.5 Dalam usaha untuk merealisasikan pengurusan program akademik yang ditawarkan di UPSI relevan, satu Garis Panduan Prosedur Pengurusan Kurikulum dibangunkan sebagai rujukan kepada semua Fakulti/PTj berkaitan dengan **tiga (3) prosedur** berikut:
- a) **Permohonan Program Akademik Baharu (PPAB),**
 - b) **Permohonan Semakan Kurikulum Program Akademik (PSKPA), dan**
 - c) **Permohonan Penawaran Bidang Pengajian – Mod Penyelidikan (PPBP – MP).**
- 2.6 Garis Panduan Prosedur Pengurusan Kurikulum adalah bertujuan untuk menyelaraskan dan melicinkan pelaksanaan pengurusan kurikulum dalam satu bentuk prosedur standard di UPSI agar penyediaan dokumen permohonan dapat dilengkapi dengan baik berdasarkan keperluan Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (JPT, KPT) dan *Malaysian Qualification Agency* (MQA).

3.0 KEPUTUSAN SENAT

- 3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan **Garis Panduan Prosedur Pengurusan Kurikulum UPSI** seperti di **Lampiran A**.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 23 April 2024.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”



(SUHAILA SİDEK)

Ketua Timbalan Pendaftar

Bahagian Hal Ehwal Akademik

Tarikh: 23 April 2024

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN PROSEDUR PENGURUSAN KURIKULUM

1.0 PENDAHULUAN

Garis Panduan **Prosedur Pengurusan Kurikulum Pindaan 2 (Edisi 2024)** merupakan pindaan kepada **Garis Panduan Pengurusan Akreditasi** (Diluluskan pada Mesyuarat Senat Kali Ke-204 Bil. 8/2021, 11 Ogos 2021) yang diterbitkan oleh Bahagian Pengurusan Kualiti pada tahun 2021.

2.0 TUJUAN

2.1 Garis Panduan ini bertujuan memberikan butiran penerangan tentang tiga (3) prosedur pengurusan kurikulum berkaitan program akademik iaitu **Permohonan Program Akademik Baharu (PPAB)**, **Permohonan Semakan Kurikulum Program Akademik (PSKPA)** dan **Permohonan Penambahan Bidang Pengajian Mod Penyelidikan (PPBP-MP)** bagi program pengajian di peringkat Prasiswazah dan Pascasiswazah.

2.2 Garis Panduan ini sejajar dengan **Garis Panduan Pembangunan Program Akademik (2018) Edisi kedua**, Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan dibaca bersama dengan rujukan yang lain seperti berikut:

- i. Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework*, MQF);
- ii. Kod Amalan Akreditasi Program
- iii. Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum
- iv. Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar
- v. Dasar Jaminan Kualiti KPT dan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Accreditation*, MQA) iaitu Dasar Jaminan Kualiti melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti;
- vi. Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran dan
- vii. Standard Program bagi bidang yang dipohon yang dikeluarkan oleh MQA dan badan profesional berautoriti;

2.3 Salinan digital dokumen dan Garis Panduan JPT boleh didapati melalui pautan berikut: <https://jpt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/penerbitan>. Selain itu, pembangun program juga boleh merujuk *Guideline to Good Practice* (GGP) yang diterbitkan oleh MQA berdasarkan pilihan bidang dalam *Code of Practice for*

Programme Accreditation (COPPA), serta bidang kepentingan tertentu, seperti Garis Panduan mengenai *Work Based Learning* (WBL), *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL), *Massive Online Open Courses* (MOOC) dan *Micro Credentials* (MC). Dokumen-dokumen ini boleh dimuat turun melalui pautan berikut: <https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/ggpnew.cfm>.


3.0 SKOP

Garis Panduan ini terpakai untuk semua program akademik yang dijalankan oleh Fakulti/ PTj di peringkat Prasiswazah dan/atau Pascasiswazah.

4.0 PROSEDUR PENGURUSAN KURIKULUM

4.1 Terdapat tiga (3) prosedur pengurusan kurikulum:

- Permohonan Program Akademik Baharu (PPAB)
- Permohonan Semakan Kurikulum Program Akademik (PSKPA)
- Permohonan Penambahan Bidang Pengajian Mod Penyelidikan (PPBP-MP)



Rajah 1: Prosedur Pengurusan Kurikulum dan Peringkat Penilaian

4.2 Merujuk kepada surat Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) yang dikeluarkan pada 13 Januari 2017 iaitu Makluman Berkenaan Proses Baharu Permohonan Penawaran Program Akademik melalui Jawatankuasa

Pendidikan Tinggi (JKPT) dan Mesyuarat Saringan Awal (MSA) mulai Tahun 2017, semua dokumen PPAB: program Diploma dan Sarjana Muda perlu mengemukakan permohonan kepada JPT dan mendapatkan kelulusan saringan awal sebelum mengemukakan permohonan bagi mendapatkan Akreditasi Sementara ke MQA.

5.0 PERMOHONAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU (PPAB)

5.1 Panduan Berkaitan dengan PPAB

1. Proses PPAB melibatkan beberapa peringkat yang perlu dilalui oleh PTj seperti berikut:
 - Peringkat 1 - Penyediaan Dokumen Kertas Cadangan (KC) PPAB MSA untuk mendapatkan kelulusan MSA, JPT.
 - Peringkat 2 - Penyediaan Dokumen COPPA MQA-01 untuk mendapatkan perakuan Akreditasi Sementara (*Provisional Accreditation*).
 - Peringkat 3 - Penyediaan Dokumen Kertas Cadangan (KC) PPAB JKPT untuk mendapatkan kelulusan penawaran program.
 - Peringkat 4 - Penyediaan Dokumen COPPA MQA-02 untuk mendapatkan perakuan Akreditasi Penuh (*Full Accreditation*).
2. Terdapat beberapa fasa penilaian yang terlibat dalam pembangunan program akademik di UPSI. Proses PPAB (Peringkat 1 – 4) melibatkan tiga (3) fasa penilaian iaitu UPSI, JPT dan MQA (Rujuk Rajah 1).
3. Setiap fasa penilaian akan menggunakan Borang-Borang Penilaian yang dibangunkan oleh Kurikulum, Akreditasi dan Penilaian iaitu di bawah Unit Pembangunan Akademik dan Akreditasi, Pusat Pembangunan Akademik (PPA) (Rujuk Lampiran A).
4. Di peringkat UPSI, kelulusan Senat diperlukan bagi semua program tahap Prasiswazah dan Pascasiswazah. Tahap ini diperincikan mengikut Tahap MQF seperti yang diberikan di Garis Panduan Pembangunan Program Akademik


(2018) Edisi kedua muka surat 24-25. Kelulusan LPU diperlukan sekiranya melibatkan implikasi kewangan.

5. Di peringkat JPT, penilaian yang terlibat adalah kelulusan di Mesyuarat Saringan Awal (MSA) dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT). Kelulusan MSA JKPT hanya diperlukan bagi MQF Tahap 4 (Diploma) dan Tahap 6 (Sarjana Muda) sahaja. Program Pascasiswazah hanya memerlukan kelulusan MSA peringkat Universiti (Senat).
6. Program akademik berikut tidak perlu melalui MSA dan JKPT tetapi perlu memaklumkan kepada JPT secara bertulis bagi tujuan rekod (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018):
 - Sijil dan Diploma Pascasiswazah (MQF Tahap 7)
 - Sijil dan Diploma Siswazah (MQF Tahap 6)
 - Diploma Lanjutan (MQF Tahap 5)
 - Diploma Eksekutif (MQF Tahap 4)
 - Sijil (MQF Tahap 3); dan
 - Program luar pesisir dan francais luar negara

5.2 PPAB Peringkat 1

1. PPAB Peringkat 1 ialah **Penyediaan Dokumen KC PPAB MSA** untuk mendapatkan **kelulusan MSA**. Hasil daripada permohonan KC PPAB MSA, Surat Kelulusan MSA, JPT akan dikeluarkan oleh JPT, KPT bagi program Diploma dan Sarjana Muda sahaja. Bagi program Pascasiswazah dan selain program Diploma dan Sarjana Muda, Surat Kelulusan Mesyuarat Senat adalah memadai untuk proses seterusnya.
2. Dokumen yang terlibat dalam PPAB Peringkat 1 adalah Dokumen KC PPAB MSA dan Kajian Pasaran (Rujuk [Lampiran B](#)).

- Tempoh sah laku kelulusan MSA adalah dua (2) tahun daripada tarikh surat kelulusan. Kegagalan mengemukakan Kertas Cadangan (KC) penuh program untuk pertimbangan JKPT dalam tempoh tersebut menyebabkan kelulusan MSA terbatal dan PTj perlu membuat permohonan baharu untuk MSA sekiranya ingin meneruskan cadangan penawaran program tersebut.



Rajah 2: Fasa Penilaian Proses PPAB Peringkat 1

* Anggaran masa untuk mendapatkan kelulusan MSA, JPT adalah 7 hingga 8 bulan
(Bagi program Diploma dan Sarjana Muda)

5.2.1 Prosedur PPAB Peringkat 1


[Rujuk Lampiran E](#)

5.3 PPAB Peringkat 2

- Proses PPAB Peringkat 2 ialah **Penyediaan Dokumen COPPA MQA-01** untuk mendapatkan **Perakuan Akreditasi Sementara** (*Provisional Accreditation*) boleh diteruskan setelah mendapat Surat Kelulusan MSA. Proses ini adalah penting untuk mendapatkan Perakuan Akreditasi dan juga program baharu tersebut didaftarkan di *Malaysian Qualifications Framework* (MQR).

2. MQR merupakan sumber rujukan dan panduan berkaitan program pendidikan tinggi yang telah diakreditkan dan dianugerahkan oleh pemberi pendidikan tinggi samada dari dalam atau luar negara. Program atau kelayakan ini hendaklah selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dan termasuk semua peringkat iaitu sijil, diploma, diploma lanjutan dan ijazah atau yang setaraf dengannya (Sumber: <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>).
3. Dokumen yang terlibat dalam PPAB Peringkat 1 adalah Dokumen COPPA MQA-01, *Course Information Template* (Excel) *Table 4*, Borang Penilaian Instrumen COPPA (*Evaluation Instrument of COPPA 2nd Edition*) (Rujuk [Lampiran B](#)).
4. Permohonan Akreditasi Sementara meliputi pengesahan pematuhan kepada MQF dan keperluan jaminan kualiti sebagaimana yang ditetapkan oleh Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) dan Standard Program bagi bidang pengajian yang dipohon. Proses ini diuruskan oleh MQA seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian VII Akta 679 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007.
5. Pengeluaran Surat Perakuan Akreditasi Sementara terbahagi kepada dua iaitu:
 - Bersyarat – PTj perlu mematuhi syarat-syarat dalam tempoh enam bulan atau satu tahun seperti yang ditetapkan dalam surat perakuan akreditasi sementara.
 - Tanpa Syarat.
6. Tempoh sahlaku Perakuan Akreditasi Sementara:
 - Lima (5) tahun daripada tarikh Surat Perakuan Akreditasi Sementara bagi program yang diluluskan Tanpa Syarat. PTj perlu memastikan pelajar kohot pertama boleh melalui proses Akreditasi Penuh sebelum tempoh Akreditasi Sementara berakhir; atau;

- Dua (2) tahun daripada tarikh Surat Perakuan Akreditasi Sementara bagi program yang diluluskan bersyarat. PTj bertanggungjawab untuk mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam tempoh yang ditetapkan sama ada enam bulan atau satu tahun seperti yang dinyatakan dalam Surat Perakuan Akreditasi Sementara. Kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan Perakuan Akreditasi Sementara dibatalkan. Tempoh sahlaku Akreditasi Sementara hanya boleh diperbaharui setelah PTj mengambil tindakan mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan (Rujuk <https://www2.mqa.gov.my/mqr/>).



Rajah 3: Fasa Penilaian Proses PPAB Peringkat 2


* Anggaran masa untuk mendapatkan kelulusan MQA adalah 6 bulan

5.3.1 Prosedur Proses PPAB Peringkat 2

[Rujuk Lampiran F](#)

5.4 PPAB Peringkat 3

1. PPAB Peringkat 3 ialah **Penyediaan Dokumen KC PPAB JKPT** untuk mendapatkan **kelulusan penawaran program**. Hasil daripada permohonan KC PPAB JKPT, Surat Kelulusan JKPT akan dikeluarkan oleh JPT bagi semua program iaitu Prasiswazah dan Pascasiswazah yang lulus penawaran program. Penawaran program hanya boleh ditawarkan setelah PTj mendapat Surat Kelulusan JKPT.
2. Selepas mendapat Surat Kelulusan JPT bagi penawaran program akademik baharu, PTj hendaklah menawarkan program berkenaan mulai semester/sesi penawaran yang diluluskan atau tidak melebihi dua (2) tahun daripada tarikh kelulusan JPT.
3. Dokumen yang terlibat dalam PPAB Peringkat 2 adalah Dokumen KC PPAB JKPT dan Kajian Pasaran (Kemaskini daripada Peringkat 1) (Rujuk [Lampiran B](#)).



Rajah 4: Fasa Penilaian Proses PPAB Peringkat 3


* Anggaran masa untuk mendapatkan kelulusan JKPT, JPT adalah 4 hingga 6 bulan

5.4.1 Prosedur Proses PPAB Peringkat 3

[Rujuk Lampiran G](#)

5.5 PPAB Peringkat 4

1. Proses PPAB Peringkat 4 ialah **Penyediaan Dokumen COPPA MQA-02** untuk mendapatkan **Perakuan Akreditasi Penuh** (*Full Accreditation*). Permohonan untuk Peringkat 4 ini boleh mula dibuat satu tahun sebelum kohort pertama bergraduasi. PTj harus mendapat Perakuan Akreditasi Penuh sebelum pelajar ambilan kohort pertama bergraduasi.
2. Dokumen yang terlibat dalam PPAB Peringkat 4 adalah Dokumen COPPA MQA-02, *Course Information Template* (Excel) *Table 4*, Borang Penilaian Instrumen COPPA (*Evaluation Instrument of COPPA 2nd Edition*) (Rujuk [Lampiran B](#)).



Rajah 5: Fasa Penilaian Proses PPAB Peringkat 4

* Anggaran masa untuk mendapatkan kelulusan MQA adalah 6 bulan


5.5.1 Prosedur Proses PPAB Peringkat 4

[Rujuk Lampiran H](#)

6.0 PERMOHONAN SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM AKADEMIK (PSKPA)

6.1 Panduan Berkaitan dengan PSKPA

1. Proses PSKPA melibatkan 2 peringkat seperti berikut:
 - Peringkat 1 – Penyediaan Dokumen COPPA MQA-02.
 - Peringkat 2 – Penyediaan Dokumen KC PSKPA JKPT.
2. Semakan kurikulum adalah proses penambahbaikan sesuatu program akademik yang perlu dilakukan pada tempoh yang tertentu dan dilakukan secara berkala dan bersistematik atau mengikut keperluan.
3. Proses semakan kurikulum ini termasuk kitaran semakan, keperluan dan justifikasi, prosedur, perubahan maklumat program dan peringkat kelulusan.
4. Semakan kurikulum dijalankan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh TIGA (3) hingga LIMA (5) tahun, atau mengikut keperluan. Bagi program baharu, semakan kurikulum perlu dibuat selepas kohort pertama bergraduasi.
5. Penambahbaikan Kualiti Berterusan (*Continual Quality Improvement, CQI*) merupakan proses utama yang perlu dilaksanakan dalam penambahbaikan kurikulum program akademik sedia ada seperti berikut:
 - Peringkat kursus dan program (*CLO Monitoring*).
 - Di akhir pengajian setiap kohort pelajar (*PLO Monitoring*)
 - Tiga (3) hingga lima (5) tahun selepas pelajar bergraduasi, (*PEO Monitoring*)




Rajah 6 : Ringkasan Semakan Kurikulum dan Perubahan Maklumat Program

6. Terdapat perubahan maklumat yang memerlukan PTj mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPM) dan *Malaysian Qualification Accreditation* (MQA) manakala ada juga perubahan maklumat yang lebih berbentuk operasi dalaman yang hanya perlu mendapat kelulusan Senat. Kelulusan KPM dan MQA bertujuan untuk pengemaskinian rekod terutamanya di *Malaysian Qualifications Register* (MQR). Maklumat dan rekod dalam MQR menjadi rujukan untuk pelbagai urusan oleh pemegang taruh.
7. Garis Panduan ini akan baca bersama dengan Garis Panduan Perubahan Kurikulum.

6.2 PSKPA Peringkat 1

1. Proses PSKPA Peringkat 1 ialah **Penyediaan Dokumen COPPA MQA-02** untuk membolehkan **Perakuan Akreditasi Penuh** program dikekalkan.
2. Dokumen yang terlibat dalam PSKPA Peringkat 1 adalah Dokumen COPPA MQA-02 (Asal), Dokumen COPPA MQA-02 (Baharu), *Course Information Template* (Excel) *Table 4*, *Self Review Report* dan Kajian Pasaran (Rujuk Lampiran C).
3. Ketua PTj harus mewujudkan Jawatankuasa Semakan Semula Program Fakulti (JKSSPF) yang dianggotai oleh Dekan/ Pengarah, TDAA/TP, KJ/KU, Penyelaras Program, Pensyarah Bidang (minimum 3), Penasihat Luar Akademik dan Pegawai Tadbir.
4. Penasihat luar berperanan memberi cadangan dan pandangan di peringkat awal penggubalan kurikulum program akademik baharu terutama dari segi kesesuaian reka bentuk program. Pandangan dan cadangan penasihat luar dimasukkan dalam Dokumen COPPA MQA-02 Bahagian 7 (*Area 7*). Lantikan penasihat luar adalah secara one-off. Penasihat Luar yang dilantik tidak boleh dalam kalangan lantikan Ahli Jawatankuasa Penilai Program (JKPP) yang masih aktif.
5. Penasihat Luar Akademik yang dilantik perlu membaca Dokumen MQA-02 (Asal) dan memberikan pandangan dan cadangan dengan melengkapkan *Self-Review Report*.
6. Tugas Ahli Jawatankuasa Penilai Program (JKPP) adalah untuk menilai Dokumen MQA-02 yang baharu yang telah dimurnikan oleh JKSSPF dengan mengambil kira pandangan dan cadangan daripada Penasihat Luar Akademik.
7. Terdapat beberapa peringkat penilaian yang terlibat dalam proses PSKPA Peringkat 1 (Rujuk Rajah 7).



Rajah 7: Fasa Penilaian Proses PSKPA Peringkat 1

* Anggaran masa Proses PSKPA Peringkat 1 adalah 3 bulan

6.2.1 Prosedur Proses PSKPA Peringkat 1


[Rujuk Lampiran I](#)

6.3 PSKPA Peringkat 2

1. Terdapat DUA (2) fasa yang terlibat dalam PSKPA Peringkat 2. Fasa pertama adalah **Penyediaan Dokumen KC PSKPA JKPT** manakala Fasa kedua adalah **Pengemaskinian Maklumat Program**.
2. Fasa pertama diperlukan untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) bagi membolehkan perubahan Semakan Kurikulum diluluskan.
3. Fasa kedua iaitu Pengemaskinian Maklumat Program diperlukan bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA), MQA agar perubahan maklumat program dapat dikemaskini oleh MQA di MQR.
4. Permohonan Pengemaskinian Maklumat Program melibatkan pindaan butiran maklumat program yang diluluskan oleh MQA yang berlaku hasil

daripada Semakan Kurikulum, pindaan/ penambahan kaedah penyampaian Work Based Learning (WBL) dan Mod Industri (2u2i) serta pemindahan perakuan akreditasi ke premis baharu (Surat Makluman MQA Bil.15/2022 dan https://www.mqa.gov.my/new/bm/pubs_form7.cfm#gsc.tab=0)

5. Dokumen yang terlibat dalam PSKPA Peringkat 2 adalah KC JKPT PSKPA dan Borang M (Rujuk [Lampiran C](#)).
6. Terdapat beberapa peringkat penilaian yang terlibat dalam proses PSKPA Peringkat 2 (Rujuk Rajah 8).



Rajah 8: Fasa Penilaian Proses PSKPA Peringkat 2

* Anggaran masa Proses PSKPA Peringkat adalah 6 hingga 8 bulan

6.3.1 Prosedur Proses PSKPA Peringkat 2

[Rujuk Lampiran J](#)


7.0 PERMOHONAN PENAMBAHAN BIDANG PENGAJIAN MOD PENYELIDIKAN (PPBP-MP)

7.1 Panduan Berkaitan dengan PPBP-MP

1. Sesuatu program pengajian siswazah mod penyelidikan yang sedang ditawarkan oleh PTj boleh dibuat penambahan bidang baharu tertakluk kepada bidang yang dicadangkan tersebut adalah di bawah *National Education Code* (NEC) program sedia ada yang didaftarkan di *Malaysian Qualifications Register* (MQR) serta diluluskan oleh Senat Universiti.
2. PTj perlu merujuk kepada *National Education Code* (NEC) Manual yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi mengenal pasti cadangan bidang baharu yang ingin ditawarkan adalah di bawah NEC yang sama dengan program akademik sedia ada.
3. Objektif Pendidikan Program (PEO) dan Hasil Pembelajaran Program (PLO) perlu mengguna pakai maklumat program akademik sedia ada di bawah NEC yang sama. Tiada sebarang perubahan PEO dan PLO boleh dilakukan dalam proses penambahan bidang baharu.

7.2 Proses PPBP-MP

1. Proses PPBP-MP merupakan Penyediaan Dokumen KC PPBP-MP untuk mendapatkan kelulusan Senat, Universiti bagi membolehkan penambahan bidang pengajian mod penyelidikan diluluskan di peringkat Pascasiswazah.
2. Dokumen yang terlibat dalam PPBP-MP adalah KC PPBP-MP (Rujuk Lampiran D).
3. Fasa penilaian yang terlibat dalam proses PPBP-MP diberikan di Rajah 9.



Rajah 9: Fasa Penilaian Proses PPBP-MP

* Anggaran masa Proses PSKPA Peringkat adalah 3 hingga 4 bulan

7.2.1 Prosedur Proses PPBP-MP

[Rujuk Lampiran K](#)

8.0 TINDAKAN DAN TUGAS FAKULTI/PTJ

8.1 Prosedur Pembangunan Kurikulum di UPSI melibatkan beberapa pihak seperti berikut:

- Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
- Jawatankuasa Penawaran Program Fakulti (JKPPF)
- Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti (JKPSF)
- Jawatankuasa Penilai Program (JKPP)
- Jawatankuasa Perancangan Program Akademik Universiti (JKPPAU)
- Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)
- Institut Pengajian Siswazah (IPS)
- Pusat Pembangunan Akademik (PPA)
- Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ)
- Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNCAA)
- Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
- Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)

Jadual 1: Skop tugas pihak yang terlibat dalam pembangunan/semakan program akademik di UPSI

Pihak yang terlibat	Tugas
Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj)	- Menubuhkan Jawatankuasa Penawaran Program Fakulti (JKPPF) dan Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti (JKPSF). - Mengesahkan dan meluluskan memo yang berkaitan dengan proses PPAB, PSKPA dan PPBP-MP. - Mengesahkan pemurnian dokumen oleh JKPPF berdasarkan Laporan Penilaian. - Membentangkan kertas cadangan di peringkat universiti. - Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi bagi Kertas Cadangan di peringkat Jabatan Pendidikan Tinggi bersama TNCAA.
Pegawai Tadbir – Setiausaha	- Melengkapkan e-Semakan Permohonan Pra Pendaftaran (eSP) dan memuat naik bukti pembayaran Fi di eSP MQA. - Membuat memo panggilan Mesyuarat JKPAF/JKPSF/JKPP. - Membuat memo yang berkaitan dengan proses PPAB, PSKPA dan PPBP-MP.
Jawatankuasa Penawaran Program Fakulti (JKPPF)	- Membuat temu janji dan mendapatkan perundingan sebelum memulakan proses PPAB, PSKPA dan PPBP-MP. - Menyediakan kertas cadangan dan dokumen yang terlibat dalam proses PPAB, PSKPA dan PPBP-MP. - Memberikan cadangan nama Penasihat Luar Akademik, Jawatankuasa Panel Penilai Luar (JKPP) bagi program Prasiswazah dan Pascasiswazah.

Pihak yang terlibat	Tugas
	- Membuat pemurnian kertas cadangan dan dokumen yang terlibat dalam proses PPAB, PSKPA dan PPBP-MP. - Melengkapkan Laporan Penilaian dengan memberikan maklum balas. - Menghantar Dokumen COPPA MQA-01/02 bagi program program Prasiswazah dan Pascasiswazah ke MQA bersama PPA.
Jawatankuasa Penilai Program (JKPP)	- Menilai Dokumen COPPA MQA-01. - Menilai Dokumen COPPA MQA-02 bagi permohonan Semakan Semula Program. - Menyediakan Laporan Penilaian kepada JKPPF. - Membentangkan Laporan Penilaian di Mesyuarat JKPP. - Mengesahkan pemurnian dokumen oleh JKPPF berdasarkan Laporan Penilaian.
Jawatankuasa Perancangan Program Akademik Universiti (JKPPAU)	- Menilai Dokumen KC PPAB MSA dan Dokumen KC PPAB JKPT, Dokumen KC PSKPA JKPT. - Menyediakan Laporan Penilaian. - Membentangkan Laporan Penilaian di Mesyuarat JKPPAU.
Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)	- Mengeluarkan surat lantikan Jawatankuasa Panel Penilai Luar (JKPP) bagi program Prasiswazah. - Mengeluarkan surat lantikan Penasihat Luar Akademik bagi program Prasiswazah. - Memberikan maklumat yang berkaitan dengan program Prasiswazah kepada PTj berkenaan. - Mengumpulkan kertas cadangan bagi program Prasiswazah untuk dibentangkan di Mesyuarat JKPA/Senat.

Pihak yang terlibat	Tugas
	- Menghantar kertas cadangan bagi program Prasiswazah ke JPT. - Mengeluarkan memo bayaran Fi caj MQA bagi program Prasiswazah. - Menghantar permohonan Pengemaskinian Maklumat Program (Borang M) ke MQA bagi program Prasiswazah. - Memaklumkan kepada JKPPF dan PPA kelulusan Senat/ MSA/ JKPT, Perakuan Akreditasi Sementara dan Perakuan Akreditasi Penuh bagi program Prasiswazah.
Institut Pengajian Siswazah (IPS)	- Mengeluarkan surat lantikan Jawatankuasa Panel Penilai Luar (JKPP) bagi program Pascasiswazah. - Mengeluarkan surat lantikan Penasihat Luar Akademik bagi program Pascasiswazah. - Memberikan maklumat yang berkaitan dengan program Pascasiswazah kepada PTj berkenaan. - Mengumpulkan kertas cadangan bagi program Pascasiswazah untuk dibentangkan di Mesyuarat JPS/Senat. - Menghantar kertas cadangan bagi program Pascasiswazah ke JPT. - Menghantar permohonan Pengemaskinian Maklumat Program (Borang M) ke MQA bagi program Pascasiswazah. - Mengeluarkan memo bayaran Fi caj MQA bagi program Pascasiswazah. - Memberikan perundingan kepada PTj bagi Permohonan Penawaran Bidang Pengajian-Mod Penyelidikan. - Memaklumkan kepada JKPPF dan PPA kelulusan Senat/ MSA/ JKPT, Perakuan Akreditasi Sementara

Pihak yang terlibat	Tugas
	dan Perakuan Akreditasi Penuh bagi program Pascasiswazah.
Pusat Pembangunan Akademik (PPA)	- Memberikan perundingan yang berkaitan dengan proses PPAB, PSKPA dan PPBP-MP. - Menyemak kertas cadangan dan dokumen yang berkaitan dengan program Prasiswazah dan Pascasiswazah sebelum di hantar untuk penilaian di peringkat Senat Universiti, JPT, KPT dan MQA. - Memberikan maklum balas semakan kertas cadangan dan dokumen yang berkaitan dengan program Prasiswazah dan Pascasiswazah. - Memberikan pengesahan semakan dokumen sebelum di hantar untuk perakuan di Mesyuarat JKPA/JPS dan kelulusan di Mesyuarat Senat universiti. - Menghantar Dokumen COPPA MQA-01/02 bagi program Prasiswazah dan Pascasiswazah ke MQA bersama wakil JKPPF. - Membuat memo panggilan Mesyuarat JKPPAU. - Menempah kenderaan UPSI bagi penghantaran Dokumen COPPA MQA-01/02 ke MQA.
Bahagian Pengurusan Kualiti (BPQ)	- Memberikan perundingan yang berkaitan dengan Pematuhan Program Akademik dan Semakan Semula Program. - Menerima Surat Makluman Sesi Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Program dari MQA. - Memberikan Taklimat Persiapan Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Program. - Mengadakan Mesyuarat Pembukaan dan Penutupan Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh Program.

Pihak yang terlibat	Tugas
Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa (TNCAA)	- Menandatangani surat lantikan Jawatankuasa Panel Penilai Luar (JKPP) dan Penasihat Luar Akademik bagi program Prasiswazah dan Pascasiswazah. - Membentangkan kertas cadangan di peringkat JPT, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). - Menyampaikan maklumat terkini yang berkaitan dengan program akademik dan semakan semula program yang diterima daripada KPT kepada PTj.
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	- Menerima permohonan Akreditasi Sementara, permohonan Akreditasi Penuh dan Pengemaskinian Maklumat Program daripada UPSI. - Membuat penilaian terhadap permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Pengemaskinian Maklumat Program daripada UPSI. - Mengeluarkan caj bayaran yang berkaitan dengan permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Pengemaskinian Maklumat Program. - Memberikan maklum-balas yang berkaitan dengan permohonan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Pengemaskinian Maklumat Program daripada UPSI. - Memberikan keputusan kelulusan Perakuan Akreditasi Sementara, Akreditasi Penuh dan Perakuan Kekal Akreditasi Penuh. - Membuat Lawatan Pematuhan.
Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)	- Menerima Permohonan Program Akademik Baharu dan Semakan Semula Program Akademik. - Memberikan keputusan kelulusan Penawaran Program dan Semakan Semula Program.

9.0 LAMPIRAN

Lampiran	Perkara	Rujukan
A	Borang -Borang	
B	Dokumen yang terlibat dalam Proses PPAB	
C	Dokumen yang terlibat dalam Proses PSKPA	
D	Dokumen yang terlibat dalam Proses PPBP-MP	
E	Prosedur PPAB Peringkat 1	
F	Prosedur PPAB Peringkat 2	
G	Prosedur PPAB Peringkat 3	
H	Prosedur PPAB Peringkat 4	
I	Prosedur PSKPA Peringkat 1	
J	Prosedur PSKPA Peringkat 2	
K	Prosedur PPBP-MP	

L	Perkara-Perkara Penting Dalam Proses PPAB	
M	Glosari	
N	Singkatan	
O	Garis Masa Proses PPAB	
P	Garis Masa Proses PSKPA	
Q	Garis Masa Proses PPBP-MP	
R	Infografik Prosedur Kerja Kurikulum, Akreditasi dan Penilaian	
S	Padlet Maklumat Berkenaan dengan Prosedur Pengurusan Kurikulum	

10.0 SYOR

Jawatankuasa Perancangan Akademik dengan hormatnya dimohon mempertimbangkan dan memperakukan **Garis Panduan Prosedur Pengurusan Kurikulum** untuk dibentang di Senat.

Lampiran E – Prosedur PPAB Peringkat 1

Tujuan: Mendapatkan kelulusan MSA, JPT bagi Permohonan Program Akademik Baharu

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
1.	Ketua PTj /wakil mendapatkan slot temu janji daripada PPA menerusi emel rasmi PPA.	Slot Temujanji di Google Kalendar	Ketua PTj	<pre> graph TD MULA([MULA]) --> 1[1] 1 --> 2[2] 2 --> 3[3] 3 --> 4{4} 4 -- Ya --> A([A]) 4 -- Tidak --> 3 </pre>
2.	PPA menawarkan perundingan kepada Ketua PTj wakil tentang proses PPAB Peringkat 1 dan memberikan Garis Masa Proses PPAB Peringkat 1 ¹ dan Borang PPA/KAP/B01 ² .	Garis Masa Proses PPAB Peringkat 1 Borang PPA/KAP/B01	PPA dan Ketua PTj	
3.	Ketua PTj mencadangkan nama seorang Penasihat Luar Akademik ³ dan menghantar kertas kerja permohonan cadangan nama Penasihat Luar Akademik beserta dengan CV kepada BHEA/IPS.	Kertas kerja permohonan cadangan nama Penasihat Luar Akademik CV Penasihat Luar	Ketua PTj	
4.	BHEA/IPS memaklumkan keputusan lantikan Penasihat Luar Akademik yang telah diperakukan di Mesyuarat JKPA/ JPS dan kelulusan di Mesyuarat Senat.	Mesyuarat JKPA/ JPS/Senat	BHEA/IPS	

¹ Garis Masa Proses PPAB adalah paparan progres Pembangunan Program secara visual yang akan digunapakai untuk Proses PPAB Peringkat 1-Peringkat 4. PTj harus mengemaskini paparan progres dari masa ke semasa agar setiap langkah perincian bagi setiap Peringkat dapat dilaksanakan dengan baik.

² Borang PPA/KAP/B01 ialah Borang Pengesahan Semakan Dokumen yang akan digunapakai untuk Proses PPAB Peringkat 1-Peringkat 4. PTj harus memastikan borang yang sama di bawa bersama semasa perundingan PPA kali pertama dan juga semasa semakan terakhir di peringkat PPA.


³ Penasihat Luar berperanan memberi cadangan dan pandangan di peringkat awal penggubalan kurikulum program akademik baharu terutama dari segi kesesuaian reka bentuk program. Pandangan dan cadangan Penasihat Luar dimasukkan dalam Dokumen COPPA MQA-01 Bahagian 7 (Area 7) (Rujuk Proses PPAB Peringkat 2). Lantikan Penasihat Luar adalah secara one-off. Tempoh lantikan Penasihat Luar adalah sah untuk 2 tahun.

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
5.	BHEA/IPS memberikan surat lantikan Penasihat Luar Akademik yang ditandatangani oleh TNCAA kepada Ketua PTj/wakil.	Surat Lantikan Penasihat Luar	BHEA/ Ketua PTj	<pre> graph TD A((A)) --> 5[5] 5 --> 6[6] 6 --> 7[7] 7 --> 8[8] 8 --> 9[9] 9 --> B((B)) 9 -.-> 8 </pre>
6.	Ketua PTj mewujudkan JKPPF. Cadangan keahlian JKPPF ⁴ adalah seperti berikut: i. Dekan/Pengarah ii. Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa)/ Timbalan Pengarah iii. Ketua Jabatan/ Unit iv. Penyelaras program v. Kumpulan Pensyarah pakar bidang (minimum tiga (3) orang). vi. Penasihat Luar vii. Pegawai Tadbir – Setiausaha	i. Surat Lantikan JKPPF ii. Minit mesyuarat JKPPF	PTj	
7.	JKPPF membuat kajian pasaran dan menyediakan Dokumen KC PPAB MSA dengan mendapatkan perundingan daripada Penasihat Luar Akademik.	Dokumen KC PPAB MSA Kajian Pasaran	JKPPF Penasihat Akademik Luar	
8.	JKPPF mendapatkan perakuan Dokumen KC PPAB MSA yang lengkap di Mesyuarat JKPAF/JKPSF.	Minit mesyuarat JKPAF/JKPSF	Ahli Mesyuarat JKPAF/JKPSF	
9.	JKPPF menghantar Dokumen KC PPAB MSA yang telah diperakui oleh JKPAF/JKPSF dan Borang PPA/KAP/ B01 ke PPA ⁵ .	Dokumen KC PPAB MSA Borang PPA/KAP/B01	JKPPF	

⁴ Surat lantikan keahlian JKPPF ditandatangani oleh TNCAA.

⁵ Bagi program Pascasiswazah yang melibatkan implikasi kewangan, JKPPF perlu menghantar Dokumen KC PPAB MSA ke Bendahari untuk mendapatkan pengesahan dari segi unjuran pelajar dan penajaan kewangan.

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
10.	PPA memberi maklum balas SPPA1 kepada JKPPF untuk membuat pemurnian Dokumen KC PPAB MSA dalam tempoh masa 21 hari bekerja.	Dokumen KC PPAB MSA	PPA	<pre> graph TD B((B)) --> D10{10} D10 -- Tidak --> D10 D10 -- Ya --> R11[11] R11 --> R12[12] R12 --> R13[13] R13 --> R14[14] R14 --> R15[15] R15 --> R16[16] R16 --> C((C)) </pre>
11.	JKPPF membuat pemurnian Dokumen KC PPAB MSA berdasarkan komen SPPA1 dalam tempoh masa 14 hari bekerja.	Dokumen KC PPAB MSA	JKPPF	
12.	JKPPF menghantar Dokumen KC PPAB MSA yang telah dimurnikan ke PPA untuk penilaian APP JKPPAU. (Nota: Rujuk Takwim Mesyuarat JKPPAU Tahun Semasa).	Dokumen KC PPAB MSA	JKPPF	
13.	PPA melantik APP JKPPAU untuk membuat penilaian Dokumen KC PPAB MSA.	Surat Lantikan Penilai JKPPAU	PPA dan APP JKPPAU	
14.	APP JKPPAU membuat penilaian dan menghantar Dokumen KC PPAB MSA serta Laporan Penilaian (Borang PPA/KAP/B02 dan Borang PPA/KAP/B03) ke PPA dalam tempoh masa 14 hari bekerja.	Dokumen KC PPAB MSA Borang PPA/KAP/B02 Borang PPA/KAP/B03	APP JKPPAU	
15.	PPA membuat panggilan Mesyuarat JKPPAU kepada APP JKPPAU dan wakil JKPPF program yang terlibat.	Memo Mesyuarat JKPPAU	PPA APP JKPPAU Wakil JKPPF	
16.	APP JKPPAU membentangkan Laporan Penilaian di Mesyuarat JKPPAU.	Dokumen KC PPAB MSA Borang PPA/KAP/B02 Borang PPA/KAP/B03 Minit Mesyuarat JKPPAU	PPA APP JKPPAU Wakil JKPPF	



⁶ Semakan PPA (SPPA) akan berulang beberapa kali sehingga pemurnian Dokumen KC PPAB MSA lengkap dan boleh dihantar untuk mendapatkan perakuan di Mesyuarat JKPA/JPS. Tempoh semakan SPPA adalah 7 hingga 21 hari tertakluk kepada jumlah dokumen yang dalam semakan pada bulan berkenaan.

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
23.	JKPPF menghantar Dokumen KC PPAB MSA yang terkini kepada BHEA/IPS untuk diperakukan di Mesyuarat JKPA/JPS. (Nota: Rujuk Takwim Mesyuarat JKPA/JPS Tahun Semasa)	Dokumen KC PPAB MSA Borang PPA/KAP/B01 Minit Mesyuarat JKPA/JPS	Wakil JKPPF Wakil PPA Ahli Mesyuarat JKPA/JPS	<pre> graph TD D((D)) --> 23{23} 23 -- Ya --> 24 23 -- Tidak --> D </pre>
24.	JKPPF menghantar Dokumen KC PPAB MSA yang terkini kepada BHEA/IPS untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Senat. BHEA/IPS/JKPPF perlu memberikan salinan memo kelulusan Senat kepada PPA. (Nota: Rujuk Takwim Mesyuarat Senat Tahun Semasa) Catatan: Proses PPAB selain MQF Tahap 4 (Diploma) dan Tahap 6 (Ijazah Sarjana Muda) SELESAI pada langkah ini. (JKPPF boleh mula Proses PPAB Peringkat 2).	Dokumen KC PPAB MSA Sladi pembentangan Minit Mesyuarat Senat	Wakil JKPPF Wakil PPA Ahli Mesyuarat Senat	<pre> graph TD 24{24} -- Ya --> 25 24 -- Tidak --> D </pre>
25.	BHEA menghantar Dokumen KC PPAB MSA yang telah diluluskan oleh Senat bagi program MQF Tahap 4 (Diploma) dan Tahap 6 (Sarjana Muda) sahaja ke JPT, KPT ⁷ .	Dokumen KC PPAB MSA Surat iringan yang ditandatangani oleh TNCAA	BHEA	<pre> graph TD 25{25} -- Ya --> E((E)) 25 -- Tidak --> D </pre>

⁷ Tahap MQF yang dirujuk ini adalah Sektor Akademik iaitu Sarjana Muda dan Diploma (Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam, Edisi Kedua, JPT (2018), muka surat 24-25)

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
26.	JPT, KPT memaklumkan penerimaan Dokumen KC PPAB MSA kepada BHEA.	Memo/emel penerimaan dokumen	JPT, KPT	<pre> graph TD E([E]) --> D26{26} D26 -- Tidak --> D26 D26 -- Ya --> D27{27} D27 --> D27 D27 --> D28{28} D28 -- Tidak --> D28 D28 -- Ya --> S29[29] S29 --> T([TAMAT]) </pre>
27.	TNCAA membentangkan Dokumen KC PPAB MSA untuk mendapatkan kelulusan MSA oleh JPT, KPT.	Dokumen KC PPAB MSA Sladi pembentangan	TNCAA	
28.	JPT, KPT memaklumkan keputusan kelulusan MSA.	Memo/emel keputusan kelulusan MSA	JPT, KPT	
29.	BHEA memaklumkan keputusan kelulusan Dokumen KC PPAB MSA ke PTj dan PPA. Proses PPAB MQF Tahap 4 dan Tahap 6 SELESAI pada langkah ini. JKPPF boleh menyediakan Dokumen COPPA MQA-01 untuk permohonan Akreditasi Sementara. (Nota: Rujuk Proses PPAB Peringkat 2).	Surat Kelulusan MSA JPT	BHEA PPA JKPPF	

Lampiran F – Prosedur PPAB Peringkat 2

Tujuan: Mendapatkan kelulusan Perakuan Akreditasi Sementara, MQA


Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
1.	Ketua PTj /wakil mendapatkan slot temujanji daripada PPA menerusi emel rasmi PPA.	Slot Temujanji di Google Kalendar	Ketua PTj	<pre> graph TD MULA([MULA]) --> 1[1] 1 --> 2[2] 2 --> 3[3] 3 --> 4{4} 4 -- Tidak --> 3 4 -- Ya --> 5[5] 5 --> A([A]) </pre>
2.	PPA menawarkan perundingan kepada Ketua PTj/ wakil tentang proses PPAB Peringkat 2. Garis Masa Proses PPAB Peringkat 2 dan Borang PPA/KAP/B01 dikemaskini.	Surat Kelulusan MSA JPT Garis Masa Proses PPAB Peringkat 2 PPA/KAP/B01	JKPPF PPA	
3.	Ketua PTj mencadangkan nama Ahli JKPP ⁸ yang terdiri daripada satu (1) Ahli Akademik Luar dan satu (1) Ahli Industri serta menghantar kertas kerja permohonan cadangan nama APP JKPP CV APP JKPP	Kertas kerja permohonan cadangan nama APP JKPP CV APP JKPP	Ketua PTj	
4.	BHEA/IPS memaklumkan kepada JKPPF tentang keputusan cadangan nama Ahli JKPP yang telah diperakukan di Mesyuarat JKPA/ JPS dan kelulusan Mesyuarat Senat.	Minit Mesyuarat JKPA/JPS/Senat	BHEA/IPS JKPPF	
5.	BHEA/IPS memberikan surat lantikan Ahli JKPP yang ditandatangani oleh TNCAA kepada Ketua PTj/wakil dan memberi satu salinan kepada PPA menerusi emel rasmi PPA.	Surat lantikan Ahli JKPP	BHEA/IPS JKPPF PPA	


⁸ Ahli JKPP (Lembaga Penasihat) berperanan memberi cadangan dan pandangan dari segi kesesuaian reka bentuk program, hala tuju program dan prospek program akademik di industri. Lantikan Ahli JKPP adalah sah untuk dua tahun. Bagi Tahap 7 dan Tahap 8 MQF, pelantikan Ahli Akademik Luar hendaklah sekurang-kurangnya berstatus Profesor Madya. T

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
6.	JKPPF menyediakan Dokumen COPPA MQA-01.	i. Dokumen COPPA MQA-01 Bahagian BC ii. <i>Table 4</i> iii. Borang Penilaian Instrumen COPPA (<i>Evaluation Instrumen COPPA</i>)	JKPPF	<pre> graph TD A((A)) --> 6[6] 6 --> 7[7] 7 --> 8[8] 8 --> B((B)) </pre>
7.	JKPPF menghantar Dokumen COPPA MQA-01, Table 4, Borang PPA/KAP/B02 dan Borang PPA/KAP/B04 serta surat lantikan kepada Ahli JKPP. JKPPF memberikan salinan penghantaran Dokumen COPPA MQA-01 kepada PPA menerusi emel rasmi PPA.	i. Surat Lantikan Ahli JKPP ii. Minit Mesyuarat JKPA/ JPS iii. Minit Mesyuarat Senat iv. Dokumen COPPA MQA-01 Bahagian BC v. <i>Table 4</i> vi. Borang PPA/KAP/B02 vii. Borang PPA/KAP/B04	JKPPF Ahli JKPP PPA	
8.	Ahli JKPP membuat penilaian dalam tempoh masa 14 hari bekerja.	i. Dokumen COPPA MQA-01 Bahagian BC ii. <i>Table 4</i> iii. Borang PPA/KAP/B02 iv. Borang PPA/KAP/B04	Ahli JKPP	

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
9.	Ahli JKPP menghantar Laporan Penilaian (Borang PPA/KAP/B02 dan Borang PPA/KAP/B04) kepada JKPPF. JKPPF memberikan salinan Laporan Penilaian JKPP kepada PPA menerusi emel rasmi PPA.	i. Dokumen COPPA MQA-01 Bahagian BC ii. <i>Table 4</i> iii. Borang PPA/KAP/B02 iv. Borang PPA/KAP/B04	Ahli JKPP	<pre> graph TD B((B)) --> 9[9] 9 --> 10[10] 10 --> 11[11] 11 --> 12[12] 12 --> C((C)) </pre>
10.	JKPPF membuat panggilan Mesyuarat JKPP kepada semua pihak yang terlibat termasuk TNCAA, Ahli JKPPF, Ahli JKPP, wakil BHEA/IPS dan PPA.	Panggilan Mesyuarat JKPP	TNCAA Ahli JKPPF Ahli JKPP PPA	
11.	Ahli JKPP membentangkan Laporan Penilaian (Borang PPA/KAP/B02 dan Borang PPA/KAP/B04).	i. Dokumen COPPA MQA-01 Bahagian BC ii. <i>Table 4</i> iii. Borang PPA/KAP/B02 iv. Borang PPA/KAP/B04 v. Minit Mesyuarat JKPP	TNCAA Ahli JKPPF Ahli JKPP PPA	
12.	JKPPF membuat pemurniaan Dokumen COPPA MQA-01 dan <i>Table 4</i> berdasarkan maklum balas Ahli JKPP dalam tempoh masa 14 hari bekerja	i. Dokumen COPPA MQA-01 Bahagian BC ii. <i>Table 4</i> iii. Borang PPA/KAP/B02 iv. Borang PPA/KAP/B04	JKPPF	

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
13.	JKPPF menghantar dokumen yang telah dimurnikan dengan mengemaskini Borang PPA/KAP/B02 dan Borang PPA/KAP/B04 kepada Ahli JKPP.	i. Dokumen COPPA MQA-01 Bahagian BC ii. <i>Table 4</i> iii. Borang PPA/KAP/B02 iv. Borang PPA/KAP/B04	JKPPF Ahli JKPP	<pre> graph TD C((C)) --> 13[13] </pre>
14.	Ahli JKPP mengesahkan pemurnian Dokumen COPPA MQA-01 pada Borang PPA/KAP B02 dan Borang PPA/KAP/B04.	i. Dokumen COPPA MQA-01 Bahagian BC ii. <i>Table 4</i> iii. Borang PPA/KAP/B02 iv. Borang PPA/KAP/B04	JKPPF Ahli JKPP	<pre> graph TD 13[13] --> 14[14] </pre>
15.	JKPPF menghantar Dokumen COPPA MQA-01 beserta dengan Minit Mesyuarat JKPP ke PPA menerusi emel rasmi PPA.	i. Dokumen COPPA MQA-01 Bahagian BC ii. <i>Table 4</i> iii. Borang PPA/KAP/B02 iv. Borang PPA/KAP/B04 v. Minit Mesyuarat JKPP	JKPPF	<pre> graph TD 14[14] --> 15[15] 15 --> D((D)) </pre>





Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
25.	JKPPF memaklumkan kepada PPA nama wakil JKPPF yang akan mengikut PPA untuk menghantar Dokumen COPPA MQA-01 ke MQA. Nama wakil JKPPF harus diberikan seminggu selepas memo penghantaran Dokumen COPPA MQA-01 dikeluarkan oleh PPA bagi tujuan tempahan kenderaan UPSI.		JKPPF	<pre> graph TD F((F)) --> 25[25] 25 --> 26[26] 26 --> 27[27] 27 --> 28[28] 28 --> 29[29] 29 --> G((G)) </pre>
26.	PPA menempah kenderaan UPSI untuk penghantaran dokumen ke MQA.	Bukti Kelulusan Kenderaan	PPA	
27.	JKPPF menghantar Dokumen COPPA MQA-01 ke PPA untuk semakan terakhir sebelum dokumen dihantar secara serahan tangan ke MQA. (Nota: Rujuk Senarai Semak Permohonan Akreditasi Sementara MQA).	Senarai Semak Permohonan Akreditasi Sementara MQA	JKPPF	
28.	PPA bersama dengan wakil JKPPF menghantar Dokumen COPPA MQA-01 2017 dan dokumen berkaitan ke Ibu Pejabat MQA. (Nota: Rujuk Takwim Proses Penilaian MQA Tahun Semasa dan Senarai Semak Permohonan Akreditasi Sementara).	Senarai Semak Permohonan Akreditasi Sementara MQA	Wakil JKPPF PPA	
29.	MQA menerima Dokumen COPPA MQA-01 dan mengesahkan borang penerimaan MQA kepada JKPPF. JKPPF memberikan salinan borang penerimaan kepada PPA/BHEA/IPS.		MQA JKPPF PPA IPS	

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
30.	MQA memberikan maklum balas kepada JKPPF/BHEA/IPS melalui emel.	Laporan Penilaian MQA	MQA JKPPF PPA IPS	<pre> graph TD G((G)) --> 30[30] 30 --> 31[31] 31 --> 32[32] 32 --> 33{33} 33 -- Tidak --> 32 33 -- Ya --> 34{34} 34 -- Tidak --> 32 34 -- Ya --> 35[35] 35 --> TAMAT((TAMAT)) </pre>
31.	JKPPF menerima Laporan Penilaian daripada MQA dan memberikan salinan ke PPA menerusi emel rasmi PPA.	Laporan Penilaian MQA	JKPPF PPA	
32.	JKPPF mendapatkan perundingan daripada PPA/BPQ/IPS berkenaan Laporan Penilaian daripada MQA.	Laporan Penilaian MQA	JKPPF PPA IPS	
33.	JKPPF membuat pemurniaan Dokumen COPPA MQA-01 dan Laporan Penilaian MQA berdasarkan maklum balas yang diterima dalam tempoh masa 14 hari bekerja.	i. Dokumen COPPA MQA-01 ii. Laporan Penilaian MQA	JKPPF	
34.	JKPPF menghantar pemurnian Dokumen COPPA MQA-01 dan maklum balas Laporan Penilaian MQA melalui emel dan memberikan salinan ke PPA, BPQ dan IPS.	i. Dokumen COPPA MQA-01 ii. Laporan Penilaian MQA	JKPPF PPA, BPQ IPS.	
35.	BHEA/IPS/JKPPF memaklumkan Perakuan Akreditasi Sementara (<i>Provisional Accreditation</i>) dan memberikan salinan surat Perakuan Akreditasi Sementara kepada PPA. Proses PPAB Peringkat 2 SELESAI pada langkah ini. JKPPF boleh menyediakan KC PPAB JKPT. (Nota: Rujuk Proses PPAB Peringkat 3).	Salinan surat Perakuan Akreditasi Sementara	BHEA/IPS JKPPF PPA	

Lampiran G – Prosedur PPAB Peringkat 3

Tujuan: Mendapatkan kelulusan penawaran program daripada JKPT, KPT.

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
1.	Ketua PTj /wakil mendapatkan slot temujanji daripada PPA menerusi emel rasmi PPA.	Slot Temujanji di Google Kalendar	Ketua PTj	<pre> graph TD MULA([MULA]) --> 1[1] 1 --> 2[2] 2 --> 3[3] 3 --> 4[4] 4 --> 5[5] 5 --> A([A]) 5 -.-> 3 </pre>
2.	PPA menawarkan perundingan kepada Ketua PTj/ wakil tentang proses PPAB Peringkat 2. Garis Masa Proses PPAB Peringkat 2 dan Borang PPA/KAP/B01 dikemaskini.	Surat Kelulusan MSA JPT Garis Masa Proses PPAB Peringkat 2 PPA/KAP/B01	JKPPF PPA	
3.	JKPPF mengemaskini Kajian Pasaran dan menyediakan Dokumen KC PPAB JKPT.	Dokumen KC PPAB JKPT Kajian Pasaran	JKPPF	
4.	JKPPF mendapatkan perakuan Dokumen KC PPAB JKPT yang lengkap di Mesyuarat JKPAF/JKPSF.	Dokumen KC PPAB JKPT Minit Mesyuarat JKPAF/JKPSF	JKPPF	
5.	JKPPF menghantar Dokumen KC PPAB JKPT yang telah diperakui oleh JKPAF/JKPSF dan Borang PPA/KAP/ B01 ke PPA menerusi emel rasmi PPA.	Dokumen KC PPAB JKPT Borang PPA/KAP/B01	JKPPF	

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
6.	PPA memberi maklum balas SPPA1 kepada JKPPF untuk membuat pemurnian Dokumen KC PPAB JKPT dalam tempoh masa 21 hari bekerja.	Dokumen KC PPAB JKPT	PPA	<pre> graph TD A((A)) --> D6{6} D6 -- Tidak --> D6 D6 -- Ya --> D7{7} D7 -- Tidak --> D7 D7 -- Ya --> S8[8] S8 --> S9[9] S9 --> S10[10] S10 --> B((B)) </pre>
7.	JKPPF membuat pemurnian Dokumen KC PPAB JKPT berdasarkan komen SPPA1 dalam tempoh masa 14 hari bekerja.	Dokumen KC PPAB JKPT	JKPPF	
8.	JKPPF menghantar Dokumen KC PPAB JKPT yang telah dimurnikan ke PPA untuk penilaian APP JKPPAU. (Nota: Rujuk Takwim Mesyuarat JKPPAU Tahun Semasa).	Dokumen KC PPAB JKPT	JKPPF	
9.	PPA melantik APP JKPPAU dan memberikan Dokumen KC PPAB JKPT, Borang PPA/KAP/B02 dan Borang PPA/KAP/B03 untuk penilaian APP JKPPAU menerusi emel rasmi PPA.	Surat Lantikan Penilai JKPPAU Dokumen KC PPAB JKPT Borang PPA/KAP/B02 Borang PPA/KAP/B03	PPA	
10.	APP JKPPAU menyemak dan menghantar Dokumen KC PPAB JKPT ke PPA dalam tempoh masa 14 hari bekerja.	Borang PPA/KAP/B02 Borang PPA/KAP/B03 Dokumen KC PPAB JKPT	PPA APP JKPPAU	

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
11.	PPA membuat panggilan Mesyuarat JKPPAU kepada APP JKPPAU dan wakil JKPPF program yang terlibat menerusi emel rasmi PPA.	Memo panggilan mesyuarat	PPA Ahli Mesyuarat JKPPAU	<pre> graph TD B((B)) --> 11[11] 11 --> 12[12] 12 --> 13[13] 13 --> 14[14] 14 --> 15[15] 15 --> C((C)) 15 --> 15 </pre>
12.	APP JKPPAU membentangkan Laporan Penilaian (Borang PPA/KAP/B02 dan PPA/KAP/B03) di Mesyuarat JKPPAU.	Borang PPA/KAP/B02 Borang PPA/KAP/B03 Minit Mesyuarat JKPPAU	PPA Ahli Mesyuarat JKPPAU	
13.	PPA memberikan salinan Laporan Penilaian APP JKPPAU (Borang PPA KAP Borang B02 dan PPA KAP/B03) kepada JKPPF menerusi emel rasmi PPA.	Borang PPA/KAP/B02 Borang PPA/KAP/B03 Dokumen KC PPAB JKPT	PPA JKPPF	
14.	JKPPF membuat pemurnian Dokumen KC PPAB JKPT berdasarkan maklum balas penilaian APP JKPPAU dan mengemaskini Laporan Penilaian APP JKPPAU (Borang PPA/KAP/B02 dan PPA/KAP/B03) dalam tempoh 14 hari bekerja.	Borang PPA/KAP/B02 Borang PPA/KAP/B03 Dokumen KC PPAB JKPT	JKPPF	
15.	JKPPF menghantar Dokumen KC PPAB JKPT yang terkini beserta dengan Laporan Penilaian APP JKPPAU yang lengkap ke PPA menerusi emel rasmi PPA.	Dokumen KC PPAB JKPT Minit Mesyuarat JKPA/JPS	JKPPF	

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
16.	PPA memberi maklum balas SPPA2 kepada JKPPF untuk membuat pemurnian Dokumen KC PPAB JKPT dalam tempoh masa 21 hari bekerja.	Dokumen KC PPAB JKPT	PPA	<pre> graph TD C((C)) --> D16{16} D16 -- Tidak --> D16 D16 -- Ya --> D17{17} D17 -- Tidak --> D17 D17 -- Ya --> D18{18} D18 -- Tidak --> D18 D18 -- Ya --> D19{19} D19 -- Tidak --> D19 D19 -- Ya --> D20{20} D20 -- Tidak --> D20 D20 -- Ya --> D((D)) </pre>
17.	JKPPF membuat pemurnian Dokumen KC PPAB JKPT berdasarkan komen SPPA2 dalam tempoh masa 14 hari bekerja dan menghantar semula ke PPA untuk mendapatkan pengesahan.	Dokumen KC PPAB JKPT	JKPPF	
18.	PPA membuat pengesahan pemurnian Dokumen KC PPAB JKPT oleh JKPPF dan mengisi Borang PPA/KAP/B01.	Dokumen KC PPAB JKPT Borang PPA/KAP/B01	PPA	
19.	JKPPF menghantar Dokumen KC PPAB JKPT yang terkini kepada BHEA/IPS setelah mendapat pengesahan daripada PPA untuk diperakukan di Mesyuarat JKPA/JPS. (Nota: Rujuk Takwim Mesyuarat JKPA/JPS Tahun Semasa).	Dokumen KC PPAB JKPT Minit Mesyuarat JKPA/JPS	JKPPF Ahli Mesyuarat JKPA	
20.	JKPPF menghantar Dokumen KC PPAB JKPT yang terkini kepada BHEA/IPS untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Senat. BHEA/IPS/JKPPF perlu memberikan salinan memo kelulusan Senat kepada PPA menerusi emel rasmi PPA. (Nota: Rujuk Takwim Mesyuarat Senat Tahun Semasa).	Minit Mesyuarat Senat	JKPPF BHEA/IPS PPA Senat	

Bil.	Perkara	Dokumen (Bukti)	Pihak yang terlibat	Carta Alir
21.	BHEA/IPS menghantar Dokumen KC PPAB JKPT dan salinan Dokumen COPPA MQA-01 yang telah diperakukan oleh MQA ke JPT, KPT.	Dokumen KC PPAB JKPT Dokumen COPPA MQA-01	BHEA/IPS	<pre> graph TD D([D]) --> 21[21] 21 --> 22[22] 22 --> 23[23] 23 --> 24{24} 24 -- Tidak --> 23 24 -- Ya --> 25[25] 25 --> TAMAT([TAMAT]) </pre>
22.	JPT, KPT memaklumkan penerimaan Dokumen KC PPAB JKPT kepada BHEA/IPS.	Dokumen KC PPAB JKPT	JPT, KPT BHEA/IPS	
23.	TNCAA membentangkan Dokumen KC PPAB JKPT untuk mendapatkan kelulusan penawaran program oleh JPT, KPT.	Dokumen KC PPAB JKPT	TNCAA	
24.	JPT, KPT memaklumkan keputusan kelulusan penawaran program.	Surat kelulusan KC PPAB JKPT	JPT, KPT	
